

BAB KETIGA

BAB III

GAMBARAN UMUM BEBERAPA MADRASAH ALIYAH NEGERI DI JAWA BARAT, INDONESIA

A. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung

1. Sejarah Penubuhan

Madrasah Aliyah Negeri II Bandung ditubuhkan di Bandung pada tahun 1990. Sejak awal ditubuhkannya sampai tahun 1995, sekolah ini belum memiliki bangunan sendiri. Pada tahun 1990, madrasah ini bergabung dengan Madrasah Thanawiah Negeri (MTsN) Cicaheum, Bandung. Kerana jumlah bangunan di MTsN Cicaheum ini sangat terhad, sementara pelajar semakin bertambah ramai, maka pada tahun 1991 sekolah ini berpindah tempat ke Sukamiskin Bandung dengan status sewa bangunan. Madrasah Aliyah Negeri II Bandung baru memiliki bangunan sendiri pada tahun 1995 di Cipadung, Cibiru, Bandung Timur.¹

-

Sejak penubuhannya, madrasah ini mempunyai jumlah pelajar yang cukup ramai. Bahkan pada sesi 2000/2001 terdapat 944 pelajar yang dibimbing oleh 55 orang guru yang mempunyai keahlian dalam bidang pelajaran masing-masing.²

Berikut ini ialah jadual kedudukan pelajar di MAN II Bandung sesi 2000/2001.³

¹Hasil temu bual dengan Encik Syafrudin pada 15 Januari 2001. Beliau adalah guru besar Madrasah Aliyah negeri II Bandung.

²MAN II Bandung (2000), *Program Kerja, Pembagian Tugas Dan Anggaran Pendapatan Dan Belanja*. Bandung: MAN II Bandung.

Tingkatan ⁴	Kelompok Belajar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keterangan
IV	7	164	185	349	
V	8	161	206	367	
VI	5	89	139	228	
Jumlah	20	414	530	944	

3

2. Tujuan Penubuhan

Penubuhan madrasah ini tidak terlepas daripada tujuan pendidikan nasional di Indonesia, iaitu tujuan penyelenggaraan pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Undang-undang Republik Indonesia nombor 2 tahun 1989 tentang sistem pendidikan nasional.⁵ Dalam bab II seksyen 2 daripada undang-undang ini menjelaskan bahawa pendidikan nasional berdasarkan Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945; Seksyen 3 : Pendidikan nasional berfungsi untuk mengembangkan kemampuan serta meningkatkan mutu kehidupan dan martabat manusia Indonesia dalam rangka mewujudkan tujuan nasional; Seksyen 4 : Pendidikan nasional bertujuan mencerdaskan kehidupan bangsa dan mengembangkan manusia Indonesia seutuhnya, iaitu manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan ketrampilan, sihat jasmani dan rohani, berkepribadian yang mantap dan berdikari serta rasa tanggung jawab kemasyarakatan dan kebangsaan.

³Ibid, h. 3.

⁴Madrasah Aliyah merupakan sekolah umum yang bersifat khas Islam daripada tingkatan iv sampai tingkatan vi. Lihat : Murray Thomas (1991), "Curriculum Development In Indonesia", dalam Colin Marsh *et.al.* (ed), *Curriculum Development In East Asia*. London: The Falmer Press, h. 204

⁵MAN II. Op.cit, h. iii

Secara lebih khusus, berdasarkan keputusan Menteri Agama Republik Indonesia nombor 370 tahun 1993 tentang Madrasah Aliyah, dalam bab II seksyen 2 menyatakan bahawa tujuan pendidikan di Madrasah Aliyah ialah : pertama, meningkatkan pengetahuan pelajar untuk melanjutkan pendidikan pada tingkat yang lebih tinggi; kedua, meningkatkan pengetahuan pelajar untuk mengembangkan diri sejalan dengan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi dan kesenian yang dijiwai ajaran agama Islam; ketiga, meningkatkan kemampuan pelajar sebagai anggota masyarakat dalam mengadakan hubungan timbal balik dengan lingkungan sosial, budaya dan alam sekitarnya yang dijiwai ajaran agama Islam.

Madrasah Aliyah Negeri bukanlah sekolah agama, tetapi merupakan sekolah umum yang mengajar ilmu-ilmu umum (90%) dan selebihnya mengajarkan pendidikan agama. Ciri khusus keislaman pada madrasah ini diantaranya dengan ditambahnya jam pelajaran agama serta kewajipan menutup aurat bagi pelajarnya.

Berdasarkan keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan nombor 0489/U/1992 tentang sekolah menengah umum dinyatakan bahawa institusi yang menyelenggarakan pendidikan menengah yang mengutamakan perluasan dan peningkatan keterampilan terdiri daripada SMU (Sekolah Menengah Umum) dan Madrasah Aliyah. Keputusan ini diperjelaskan lagi dengan keputusan Menteri Agama Republik Indonesia nombor 370 tahun 1993 khasnya pada bab I seksyen 1 menyatakan bahawa Madrasah Aliyah ialah sekolah menengah umum yang

berciri khas agama Islam dan diselenggarakan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia.

3. Kelengkapan Prasarana Pendidikan

3

Kelengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki oleh Madrasah Aliyah Negeri II Bandung ialah sebagaimana dalam jadual berikut :

a. Tanah

Jenis kegunaan	LuasM ²	Status	Keadaan	Keterangan
a. Taman	3,290	APBN ²	Baik	-
b. Padang /pusat sukan	600	APBN	Baik	-
c. Kebun	69	APBN	Cukup	-
d. Bangunan	1,041	APBN	Cukup	-

b. Bangunan

Jenis Bangunan	Jumlah	Luas ...M ²	Tahun pembuatan	Status	Keadaan
1. Bilik Belajar	12	720	1995	APBN	Cukup
2. Pejabat kaki tangan	1	62	1999	APBN	Baik
3. Perpustakaan	1	48	1999	APBN	Baik
4. Guru besar	1	60	1995	APBN	Baik
5. Guru	1	72	1995	APBN	Cukup
6. Pramuka/PMR/ BP/OSIS/BP3	1	72	1996	APBN	Cukup
7. Makmal Komputer	1	72	1999	APBN	Cukup
8. Masjid	1	80	1995	APBN	Cukup
9. Koperasi	1	10	1996	APBN	Cukup
10.Tandas	3	14	1996	APBN	Cukup

² APBN ialah anggaran pendapatan belanja negara. Maknanya bahawa dana itu diperolehi daripada negara sepenuhnya dan merupakan kekayaan dan milik negara.

c. Perpustakaan

Perpustakaan merupakan jantung bagi sebuah sekolah. Oleh itu ketika didirikan Madrasah Aliyah Negeri II Bandung, ketika itu juga didirikan sebuah perpustakaan dengan bangunan tersendiri yang luasnya 48 M^2 .

Untuk lebih jelas, berikut ini ialah jadual yang menunjukkan keadaan perpustakaan di Madrasah ini, iaitu :

Jenis Ruang	Ukuran (M^2)	Keadaan	Perlengkapan	Keadaan	Keterangan
Pejabat kaki tangan Perpustakaan	6.25	Baik	Meja Kerusi pimpinan	Cukup	
a. Ruang kaki tangan	37	Baik	Meja baca, kerusi dan almari pengolahan, kanter	Cukup	
b. Ruang Pengolahan			pelayanan, data statistik dan daftar nama-nama kaki tangan perpustakaan		
c. Ruang Pelayanan					
d. Ruang bacaan					
e. Ruang tamu					
f. Stor					
Tandas	2.25	Baik		Cukup	

4. Keupayaan Guru

Guru merupakan faktor yang paling utama dan menentukan berhasilnya proses pendidikan. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai pengajar yang menyampaikan ilmu pengetahuan dan ketrampilan tetapi juga menanamkan nilai-nilai keagamaan kepada pelajarnya. Oleh itu sikap dan penampilan guru akan

sentiasa dilihat bahkan dicontohi oleh para pelajarnya, tanpa melihat sama ada dia guru pendidikan Islam atau guru matematik, sains atau sebagainya.

Apalagi guru Madrasah Aliyah Negeri, pada umumnya memiliki status tersendiri dalam masyarakat.³ Mereka dituntut untuk menampilkan peribadi yang lebih berakhhlak serta mengutamakan aspek kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan kewajipannya sebagai seorang guru.

Ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh guru, iaitu³:

1. Cara dan pemilihan fesyen pakaian

Guru madrasah dikehendaki memakai pakaian yang kemas dengan mempertimbangkan aturan aurat.

2. Pergaulan yang sopan dan mencerminkan *akhhlakul karimah* sama ada dengan sesama guru maupun dengan para pelajar.

3. Disiplin dengan waktu serta mentaati peraturan yang ada sehingga dapat menumbuhkan sikap hormat daripada pelajar dan masyarakat pada umumnya.

4. Menjalankan syari'at agama dalam kehidupan sehari-hari serta diharapkan mampu berperanan sebagai pengurus dalam berbagai-bagai upacara keagamaan di manapun mereka berada.

5. Memiliki wawasan pemikiran yang luas sehingga mindanya terbuka untuk bertukar fikiran sekalipun dengan orang yang berbeza pendapat.

³Departemen Agama RI (1998), *Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah Berciri Khas Agama*. Jakarta: Depag RI, h. 29

Dengan demikian guru Madrasah Aliyah Negeri sepatutnya merupakan orang yang berkeperibadian muslim, iaitu individu yang memiliki kedalamankwawasan yang tinggi, ilmu dan dihiasi dengan sikap dan tingkah laku *akhlakul karimah* yang patut menjadi contoh untuk pelajarnya.

Untuk membentuk individu guru seperti di atas, maka Kementerian Agama RI melakukan penelitian yang cukup ketat dalam menerima calon guru. Hanya mereka yang punya kebolehan sahaja yang diterima sebagai guru. Di samping itu, calon guru mestilah memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang pendidikan juga mereka perlu lulus dalam ujian keperibadian dan mental.

Di Madrasah Negeri II Bandung terdapat 55 orang guru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza sesuai dengan bidang pelajaran yang diajarinya. Berdasarkan kajian dokumentasi kedudukan guru di Madrasah ini ialah sebagai berikut⁴:

No	Nama Guru	Golongan	Pendidikan	Mata Pelajaran
1.	Syafruddin	IV/a	Sarjana muda	Guru Besar
2.	Hj. Sutisna	IV/a	Sarjana muda	SKI
3.	Hj. Siti Nurmala	III/d	Sarjana muda	Fiqh&BK
4.	B. Fatimah	IV/a	Sarjana muda	Aqidah Akhlak
5.	Hj. Yuningsih	III/d	"	Fiqh
6.	Jaja Zainudin	III/c	"	Matematik
7.	Wawan Sofwan	III/d	Sarjana muda	Tata Negara&PPKn
8.	Dede Abdul Bar	III/d	"	Matematik
9.	Hj. Aan Sukarnah	III/d	"	Bhs. Inggeris
10	Lilis Nurlaela	III/c	"	PPKn
11	Nunung Nurfi'ah	III/d	"	Geografi
12	Nunung Waryati	III/c	"	Ekonomi
13	Misbakuddin	III/c	"	Geografi & Sejarah
14	Ucu Lenggana	III/c	"	Sejarah Nasional
15	Popong Syarifah	III/b	"	Bhs. Arab
16	Dewi Kartilah	III/c	"	Fizik

⁴Madrasah Aliyah Negeri II Bandung (2000), *Program Kerja, Pembagian Tugas Dan Anggaran Pendapatan Dan Belanja Madrasah*. Bandung: MAN II Bandung, h. 5-6

17	Asfarneli	III/b		Biologi
18	Mumu Mubarik	III/b	"	Matematik
19	Wawan Kusmawan	III/b	"	Matematik
20	Iis Susilawati	III/c	"	Ekonomi&sosiologi
21	Nenen Shanti	III/b	"	Biologi
22	Yuyu Yuliarti	III/a	"	Penjas Kesehatan
23	Lelis Rahmawati	III/a	"	Bhs. Inggeris
24	Yeni Mulyaningsih	III/a	"	Biologi
25	Wiwin Widaningsih	III/c	"	Sosiologi
26	Agus Rochimat	III/a	"	Bhs. Indonesia
27	Ida Mujtahidah	III/c	"	BP/BK& Sejarah
28	Heni Hasanah	III/a	"	Kimia
29	Yati Hadiati	III/b	"	Bhs. Indonesia
30	Euis Setiawati	III/a	"	Fizik
31	Ade Ina Kartina	III/b	"	Biologi
32	Ade Toharoh	III/a	"	Matematik
33	Tatan Jamaluddin	III/c	"	Qur'an Hadith
34	Kokom Komariah	III/c	"	Fizik
35	Siti Rohimah	III/a	"	Fizik
36	Ida Apipah	III/d	"	Qur'an Hadith&SKI
37	Lia Hilyati	III/a	"	Ekonomi
38	Djajang Harits	III/d	"	Bhs. Arab
39	Iis Nurhayani	III/a	"	Bhs. Inggeris
40	Asep Bena H	III/c	"	Kimia
41	Saefullah	III/c	"	Bhs. Indonesia
42	Titis Ambekatkasih	III/b	"	Kimia
43	Martinah	III/b	"	Fizik
44	Heli Sri Pancawati	III/a	"	Biologi
45	Hartati	II/d	Diploma	Matematik
46	Hikmat	III/c	Sarjana Muda	Sosiologi
47	Kokon Arifin	-	"	Penjas Kesehatan
48	Seheran	-	"	Qur'an Hadith
49	Agus Cucun	-	"	Bhs. Inggris&Jepun
50	Idad Idul Adha	-	"	Pendidikan Seni
51	Asep	-	"	Bhs. Inggeris
52	Tiktik	-	"	Bhs. Indonesia
53	Ahnad Junaedi	-	"	Bhs. Inggeris
54	Siti Rohimah	-	"	Fizik
55	E n d i	-	"	Ekonomi

B. Madrasah Aliyah Negeri Cibatu

1. Sejarah Penubuhan

Madrasah Aliyah Negeri Cibatu ditubuhkan di Cibatu pada 25 November 1995. Madrasah ini beralamat di jalan Babakan Cau, Cibatu, Garut. Pada Sesi

2000/2001 madrasah ini memiliki pelajar seramai 287 orang yang dibimbing oleh 40 orang guru.

Berikut ini ialah jadual jumlah pelajar di Madrasah Aliyah Negeri Cibatu pada sesi 2000/2001 :

Tingkatan	Kelompok belajar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keterangan
IV	3	40	59	99	
V	3	42	60	102	
VI	3	40	46	86	
Jumlah	9	122	165	287	

2. Tujuan Penubuhan

Tujuan ditubuhkan Madrasah Aliyah Negeri di seluruh Indonesia ialah telah diatur oleh Undang-undang Republik Indonesia nombor 2 tahun 1989 seperti yang telah dikemukakan penulis pada awal perbahasan bab ini.

Secara lebih khusus tujuan penubuhan Madrasah Aliyah Negeri I Cibatu ialah sebagai yang berikut:⁹

- a. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk melanjutkan pendidikan pada tingkat yang lebih tinggi;
- b. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk mengembangkan diri sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi yang dijiwai dengan ajaran Agama Islam;

⁹MAN Cibatu (2000), *Program Kerja MAN Cibatu*. Cibatu: MAN Cibatu, h. 4

- c. Meningkatkan kemampuan pelajar sebagai anggota masyarakat dalam mengadakan hubungan dengan lingkungan sosial, budaya dan alam sekitar yang dijawi dengan ajaran Agama Islam

3. Kelengkapan Prasarana Pendidikan

Kelengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki oleh Madrasah Aliyah Negeri Cibatu ialah sebagai berikut :

a. Tanah

Jenis kegunaan	LuasM ²	Status	Keadaan	Keterangan
a. Taman	2,570	Yayasan	Cukup	-
b. Padang/pusat sukan	500	Yayasan	Cukup	-
c. Kebun	70	Yayasan	Cukup	-
d. Bangunan	1,020	Yayasan	Baik	-

b. Bangunan

Jenis Bangunan	Jumlah	Luas... M ²	Tahun pembuatan	Status	Keadaan
1. Bilik belajar	9	540	1995	APBN	Cukup
2. Pejabat kaki tangan	1	60	1995	APBN	Cukup
3. Perpustakaan	1	45	1995	APBN	Cukup
4. Guru besar	1	42	1995	APBN	Cukup
5. Guru	1	60	1995	APBN	Cukup
6. OSIS/ Pramuka/UKS /BK/BP/ BP3	1	67	1996	APBN	Cukup
7. Masjid	1	70	2000	APBN	Cukup
8. Koperasi	1	15	Dalam proses	APBN	Cukup
9. Tandas	4	18	1995	APBN	Cukup

c. Perpustakaan

Sejak mula ditubuhkannya, Madrasah Aliyah Negeri Cibatu telahpun memiliki perpustakaan sendiri. Perpustakaan ini dibangunkan di atas tanah seluas 45 M^2 .

Untuk mengetahui keadaan perpustakaan di Madrasah ini, kita lihat pada jadual berikut :

Jenis Bilik	Ukuran (M^2)	Keadaan	Perlengkapan	Keadaan	Keterangan
1. Bilik Kaki tangan perpustakaan	10	Cukup	Meja, kerusi dan almari.	Cukup	
2. Bilik Pengolahan dan kaunter pelayanan.	10	Cukup	Meja, kerusi, almari dan troli	Cukup	
3. Ruang bacaan	10	Cukup	Kerusi dan meja	Cukup	
4. Ruang letak buku.	10	Cukup	Tempat buku	Cukup	-
5. Tandas	5	Cukup	-		

4. Keupayaan Guru

Di Madrasah Aliyah Negeri ini terdapat 40 orang guru yang mengajar pelbagai mata pelajaran. Untuk lebih terperinci dapat dilihat dalam jadual berikut⁵ :

⁵Madrasah Aliyah Negeri Cibatu (2000), *Program Kerja MAN Cibatu*. Cibatu : MAN Cibatu, h. 7-8

No	Nama Guru	Golongan	Pendidikan	Mata Pelajaran
1	J o j o	IV/a	Sarjana muda	Guru Besar
2	M.U. Subhana	IV/a	„	Qur'an Hadith
3	Bubun S. Millah	IV/a	„	Tata Negara&PPkn
4	Euis Ulung	III/d	„	Fiqh
5	Heni Nur'aini	III/d	„	Bahasa Indonesia
6	Ilham Samudra	III/d	„	Matematik
7	Nina Febiyanti	III/d	„	Geografi
8	Murni Nursyamsiah	III/d	„	Biologi
9	Awal Purnama	III/c	„	Bahasa Inggeris
10	Siti Aisyah	III/c	„	Aqidah Akhlak
11	Ifah Latifah	III/c	„	Sejarah Nasional
12	Ahmad Fathullah	III/c	„	Fiqh
13	Elisa Nurfauziah	III/b	„	Fizik
14	Susi Susilawati	III/b	„	Kimia
15	Maman Suparman	III/b	„	Sosiologi
16	Asep Difdif	III/b	„	Ekonomi
17	Nandang Kosim	III/b	„	Sejarah Nasional
18	Agus Darajat	III/b	„	Bahasa Arab
19	Wawan Setiawan	III/b	„	Pendidikan
20	Saiful Muttakin	III/b	„	Kesihatan&jasmani
21	Jajang Khoeruddin	III/b	„	Ekonomi
22	Sehabuddin G	III/b	„	Bahasa Indonesia
23	Husen Muhtar	III/b	„	Matematik
24	Eva Nurfarida	III/b	„	Biologi
25	Ninik Pujayanti	III/b	„	Kimia
26	Ujang Zainudin	III/a	„	Bahasa Inggeris
27	Asep Firmansyah	III/a	„	Pendidikan Seni
28	Azmi Mono	III/a	„	Sejarah Kebudayaan
29	Fitria Burhanudin	III/a	„	Islam
30	Rahmat Jatnika	III/a	„	BP/BK & Sejarah Nas.
31	Nisa Qomariah	III/a	„	Bahasa Inggeris
32	Cucu Setiawati	-	„	Qur'an Hadith
33	Ayi Nurhayati	-	„	Bahasa Indonesia
34	Dudi Sapudin	-	„	Geografi
35	Reni Sugiarti	-	„	Kimia
36	Dia Indriani	-	„	Fizik
37	Andi Setiadi	-	„	Biologi
38	Aam Aminah	-	„	Sosiologi
39	Muhammad Sobar	-	„	PPKn
40	Sidik Angkasa	-	„	Ekonomi
			Sarjana muda	Matematik

C. Madrasah Aliyah Negeri Sumedang

1. Sejarah penubuhan

Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang ditubuhkan pada tahun 1980. Pada mulanya Madrasah ini bernama Pendidikan Guru Agama Negeri (PGAN), kemudian bertukar nama menjadi Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang pada tahun 1990. Madrasah ini telahpun memiliki bangunan sendiri di Jalan Cimalaka Sumedang.

Sejak tahun 1990 sampai sekarang madrasah ini telah menghasilkan seramai 3,021 orang lulusan. Pada sesi 2000/2001 tercatat 335 orang pelajar yang sedang menuntut di Madrasah ini.¹¹

Berikut ini ialah jadual keadaan pelajar sesi 2000/2001 :¹²

Tingkatan	Kelompok belajar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keterangan
IV	3	60	90	154	
V	2	44	47	91	
VI	2	42	48	90	
Jumlah	6	150	185	335	

2. Tujuan Penubuhan

Berdasarkan keputusan Menteri Agama Republik Indonesia nombor 370 tentang Madrasah Aliyah, khasnya dalam bab II seksyen 2, pendidikan Madrasah Aliyah bertujuan :

¹¹ Madrasah Aliyah Negeri Sumedang (2000), *Program Kerja MAN Sumedang*. Sumedang: MAN Sumedang, h. 2

¹² *Ibid*, h. 3.

- a. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi;
- b. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk mengembangkan diri sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi dan kesenian yang dijiwai dengan ajaran agama Islam;
- c. Meningkatkan kemampuan pelajar sebagai anggota masyarakat dalam mengadakan hubungan timbal balik dengan lingkungan sosial, budaya dan alam sekitarnya yang dijiwai dengan ajaran Agama Islam.

3. Kelengkapan Sarana Pendidikan

Kelengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki oleh Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang ialah sebagai berikut :

a. Tanah

Jenis Kegunaan	Luasnya M... ²	Status	Keadaan	Keterangan
a. Taman	600	APBN	Baik	-
b. Padang/pusat sukan	700	APBN	Baik	-
c. Kebun	400	APBN	Baik	-
d. Bangunan	5,800	APBN	Baik	-

b. Bangunan

Jenis Bangunan	Jumlah	Luas ...M ²	Status	Keadaan
1. Pejabat Guru besar	1	20	APBN	Baik
2. Pejabat kaki tangan	1	70	APBN	Baik
3. Pejabat guru	1	20	APBN	Baik
4. Bilik belajar	12	864	APBN	Baik
5. Perpustakaan	1	110	APBN	Baik

6. Makmal sains	1	100	APBN	Cukup
7. Koperasi	1	35	APBN	Baik
8. Masjid	1	80	APBN	Baik
9. OSIS/ Pramuka	1	20	APBN	Cukup
10.PMR/PKS	1	12	APBN	Cukup
11.Pusat Sukan	1	140	APBN	Baik
12.Tandas	3	148	APBN	Cukup
13. Stor	1	10	APBN	Cukup
14.Keamanan	1	5	APBN	Cukup

c. Perpustakaan

Perpustakaan merupakan perkara yang sangat penting dan asasi dalam proses belajar-mengajar. Ianya bukan hanya bermanfaat bagi pelajar sahaja tetapi juga bagi guru. Bangunan perpustakaan di Madrasah Aliyah Negeri I Sumedang terletak di sebelah pejabat guru.

Untuk lebih jelas tentang keadaan perpustakaan di Madrasah tersebut, penulis dapat menghuraikannya dalam jadual berikut :

Jenis Bilik	Ukuran	Keadaan	Pelengkap	Keadaan
i. Kaki tangan perpustakaan	20	Baik	Kerusi, meja dan almari	Baik
2. Bilik pengolahan dan kanter pelayanan	40	Baik	Kerusi, Meja , almari dan troli.	Baik
3. Ruang bacaan	40	Baik	Kerusi	Cukup
4. Tempat letak buku	25	Baik	meja Almari	Cukup
5. Tandas	-	-	-	-

4. Keupayaan Guru

Di Madrasah Aliyah Negeri ini terdapat 37 orang guru yang mengajar pada beberapa mata pelajaran. Kebanyakannya lepasan universiti dengan

memperolehi izajah sarjana muda. Untuk lebih terperinci dapat dilihat dalam jadual berikut⁶ :

No	Nama Guru	Golongan	Pendidikan	Mata Pelajaran
1	Syahrudin Alisahbana	IV/a	Sarjana muda	Guru Besar
2	Hj. E. Farijah	IV/a	Diploma	BK/BP
3	Wahid Basyari	IV/a	Diploma	BK/BP
4	Aief AL	III/d	Sarjana muda	Bhs. Arab, SKI dan Aqidah Akhlak
5	Ida Nurhaida	III/d	Diploma	BP/BK
6	S a p j i	III/d	Diploma	Sosiologi & Aqidah Akhlak
7	M a n s y u r	III/d	Diploma	Pendidikan Jasmani & Kesehatan
8	Rosyid Ali	III/d	Sarjana muda	Qur'ān Hadith
9	Endang Ma'sum	III/c	"	Antropologi
10	Abdurahman Ismail	III/c	"	Fiqh
11	S u h a n d a	III/c	"	Bhs. Inggeris dan Akaunting
12	Durachman	III/c	"	Tata Negara dan Sejarah Budaya
13	W a w a n	III/c	"	Biologi & Ekonomi
14	T. Abdurahman	III/b	"	Ekonomi
15	Maman Suherman	III/b	"	PPKn
16	Abdul Qudus	III/b	Diploma	Bahasa Arab
17	M. Aliyudin	III/b	Sarjana muda	Sosiologi dan Geografi
18	Abdul Majid	III/b	"	Sejarah Nasional
19	Muniruddin	III/b	Diploma	Qur'ān-Hadith
20	D e w i n a h	III/a	Sarjana muda	Bahasa Indonesia
21	Dadang Alawi	III/a	"	Bahasa Inggeris
22	Omah Setiamah	III/a	Sarjana muda	Matematika
23	Empar Supersih	III/a	"	Matematika
24	Muhtar S.	III/a	"	Fizik
25	Oma Kurniawan	III/a	"	Matematika dan Biologi
26	Mandayani	III/a	"	Matematika
27	Ahmad Yasin	III/a	"	Kimia
28	Heru Gunawan	III/a	"	Fizik
29	Ika Yustika	III/a	"	Kimia & Biologi
30	Ee Nurlaela	III/a	"	Bahasa Inggeris
31	Imas Sumiati	-	"	Bahasa Indonesia
32	Momi Rosarita	-	"	Bahasa Jerman
33	Sumpena	-	"	Kesenian dan Geografi

⁶Madrasah Aliyah Negeri Sumedang (2000), *Program Kerja MAN Sumedang*. Sumedang: MAN Sumedang, h. 5-6

34	Ina Karelina	-	"	Akaunting
35	Titin K	-	"	Bahasa Indonesia
36	Maman	-	"	Bahasa Indonesia
37	Suangsih	-	"	Fiqh

D. Madrasah Aliyah Negeri Cipasung

1. Sejarah Penubuhan

Madrasah Aliyah Negeri Cipasung ditubuhkan pada tahun 1969 di Cipasung, Tasik Malaya. Awal penubuhannya, Madrasah ini bernama SP-IAIN (Sekolah Persiapan - Institut Agama Islam Negeri). Pada tahun 1978 bertukar nama menjadi Madrasah Aliyah Negeri Cipasung. Sejak didirikan madrasah ini telah dipercaya oleh masyarakat sebagai institusi pendidikan Islam; Ini terbukti daripada tahun ke tahun minat masyarakat untuk menyekolahkan anak-anak mereka ke madrasah ini semakin meningkat. Sejak tahun 1969 madrasah ini telah menghasilkan seramai 21.744 lulusan.¹⁴

Pada sesi 2000/2001 Madrasah ini memiliki 1,288 orang pelajar yang dibimbing oleh 75 orang guru. Untuk lebih jelasnya, penulis akan menghuraikannya pada jadual berikut:¹⁵

Tingkatan	Kelompok belajar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keterangan
VI	9	180	258	438	
V	9	211	240	451	
VI	9	174	225	399	
Jumlah	27	565	723	1,288	

¹⁴Hasil temu bual dengan Harun Rasyid Djaja pada 26 Januari 2001. Beliau adalah guru besar MAN Cipasung.

¹⁵Madrasah Aliyah Negeri Cipasung (2000), *Program Kerja MAN Cipasung*. Tasik Malaya: MAN Cipasung, h. 7

2. Tujuan Penubuhan

Isi dan struktur pendidikan dan pembelajaran di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung sesuai dengan sistem pendidikan nasional di Indonesia. Mengikut Undang-undang Republik Indonesia tentang pendidikan nasional no. 2 tahun 1989, pendidikan nasional bersumberkan kebudayaan bangsa Indonesia berdasarkan pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945,¹⁶ yang bertujuan mencerdaskan kehidupan bangsa dan mengembangkan manusia Indonesia yang seutuhnya, iaitu manusia yang beriman dan bertakwa terhadap Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan yang mantap dan berdikari serta rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dan bangsa.

Madrasah Aliyah Negeri Cipasung tergolong ke dalam Sekolah Menengah Umum (SMU) yang bertujuan :

- a. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi;
- b. Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk mengembangkan diri sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi dan kesenian yang dijiwai dengan ajaran agama Islam;
- c. Meningkatkan kemampuan pelajar sebagai anggota masyarakat dalam mengadakan hubungan timbal balik dengan lingkungan sosial, budaya dan alam sekitarnya yang dijiwai dengan ajaran agama Islam.

¹⁶Lihat Undang - Undang Dasar 1945 Republik Indonesia pada seksyen 31

3. Kelengkapan Prasarana Pendidikan

Kelengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki oleh Madrasah Aliyah Negeri Cipasung ialah sebagai berikut :

a. Tanah

Jenis Kegunaan	Luasnya M... ²	Status	Keadaan	Keterangan
1. Taman	3,465	BP3	Baik	-
2. Padang/pusat sukan	900	Yayasan	Baik	-
3. Kebun	932,79	Yayasan	Cukup	-
4. Bangunan	4,336.21	Yayasan	Baik	-

b. Bangunan

Jenis Bangunan	Jumlah	Luas ...M ²	Status	Keadaan
1. Pejabat Guru besar	1	30	APBN	Baik
2. Pejabat tata Usaha	1	254	APBN	Baik
3. Pejabat guru	1	180	APBN	Baik
4. Bilik belajar	26	2,080	APBN	Baik
5. Perpustakaan	1	75	APBN	Baik
6. Makmal sains	1	100	APBN	Cukup
7. Koperasi	1	50	APBN	Baik
8. Masjid	1	75	APBN	Baik
9. OSIS/ Pramuka	1	52	APBN	Cukup
10.PMR/PKS	1	40	APBN	Cukup
11.Pusat Sukan	1	288	APBN	Baik
12.Tandas	10	100	APBN	Cukup
13.Stor	1	90	APBN	Baik
14. Keamanan	1	5	APBN	Cukup

b. Perpustakaan

Perpustakaan merupakan perkara yang sangat penting dan asasi dalam proses belajar mengajar. Ianya bukan hanya bermanfaat untuk pelajar sahaja tetapi

juga bagi guru. Bangunan perpustakaan di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung terletak tidak jauh daripada bilik belajar. Ianya ditempatkan berdekatan dengan pejabat kaki tangan madrasah.

Untuk lebih jelas tentang keadaan perpustakaan di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung, penulis dapat menghuraikannya dalam jadual berikut:¹⁷

Jenis Bilik	Ukuran	Keadaan	Pelengkap	Keadaan
1. Kaki tangan perpustakaan	10	Baik	Kerusi, meja dan almari	Baik
2. Bilik pengolahan dan kanter pelayanan	10	Baik	Kerusi, Meja , almari dan troli.	Baik
3. Ruang baca	20	Baik	Kerusi dan meja	Cukup
4. Tempat letak buku	30	Baik	Almari	Cukup
5. Tandas	5	Kurang	-	Kurang

4. Keupayaan Guru

Madrasah Aliyah Negeri ini mempunyai jumlah guru yang cukup ramai, iaitu 75 orang. Mereka terdiri daripada lulusan universiti, sama ada universiti awam mahupun swasta. Untuk lebih jelasnya dapatlah dilihat pada jadual berikut

¹⁸:

No	Nama Guru	Golongan	Pendidikan	Mata Pelajaran
1	Harun Rasyid Djaja	IV/a	Sarjana muda	Guru besar
2	Rosichin Anwar	IV/a	Diploma	Qur'an Hadith
3	K. Syarkiah	IV/a	Diploma	Sejarah Nasional&umum
4	Hj. Chotimah	IV/a	Diploma	Aqidah Akhlak & BK
5	Hj. Husni Thamrin	III/d	Diploma	Akaunting
6	M. Muslim	III/d	Diploma	PPKn & Fiqih

¹⁷ Madrasah Aliyah Negeri Cipasung, Op.cit, h. 9.

¹⁸ Ibid, h. 54-56

7	Noor Cholis Ts	III/d	Diploma	PPKn
8	Hj. Marfu`ah	III/d	Diploma	Sejarah Nasional&umum
9	Omay Kamal Badri	III/d	Sarjana muda	Sejarah Nasional&umum
10	Hj. Ai Rohmayati	III/d	Sarjana muda	Ekonomi
11	Hj. Mansyur	III/d	Sarjana muda	Fiqh
12	Djuju Jubaedah	III/d	Sarjana muda	Qur'ān Hadith
13	Sofyan Abdullah	III/d	Sarjana muda	Qur'ān Hadith
14	Harun Harosid	III/d	Sarjana muda	Fizik
15	Wawan Lesmana	III/d	Sarjana muda	Geografi&Antropologi
16	Achmad Rosyad	III/d	Sarjana muda	Qur'ān Hadith & PPKn
17	Sirodj	III/d	Sarjana muda	Bahasa Arab
18	Hj. Ida Nurharlida	III/d	Sarjana muda	Bahasa Arab
19	Yatmin	III/d	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
20	T e t e n g	III/d	Sarjana muda	Matematik
21	Muhammad Hatta	III/c	Sarjana muda	Pendidikan Seni
22	Bekti Soeharto	III/c	Sarjana muda	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
23	Irsayadul Ubad	III/c	Sarjana muda	Tata Negara dan Fiqh
24	Adang Hilman	III/c	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
25	S a e p	III/c	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
26	Ema Rohmawati	III/c	Sarjana muda	Biologi
27	Dadi Wikandi	III/c	Sarjana muda	Ekonomi & Matematik
28	O m o	III/c	Sarjana muda	Ekonomi
29	Yayah Choeriyah	III/c	Sarjana muda	Ekonomi
30	Totong Ridwan	III/c	Sarjana muda	Sosiologi
31	Hj. Nunuy N	III/c	Sarjana muda	Qur'ān Hadith
32	Mamaan Lukman	III/c	Sarjana muda	Matematik
33	Lis Hasanah M	III/c	Sarjana muda	Matematik
34	Hj. Enung N	III/c	Sarjana muda	Matematik
35	Ridwan Fuad	III/c	Sarjana muda	Bahasa Arab
36	K. Rusdaningsih	III/c	Sarjana muda	Geografi
37	Tati Nuryati	III/c	Sarjana muda	Matematik
38	Imas Rohimah	III/c	Sarjana muda	Fiqh
39	Dede Hendaroh	III/c	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
40	Durotul Faridah	III/c	Sarjana muda	Kimia
41	Iah Solihah	III/c	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
42	Enok Kurniasih	III/b	Sarjana muda	Matematik
43	Dedi Sukardina	III/b	Sarjana muda	Biologi
44	Ishak Hakon	III/b	Sarjana muda	Sosiologi
45	Sagirah Yeni	III/b	Sarjana muda	Biologi
46	Imas Maesaroh	III/b	Sarjana muda	Bahasa Inggeris
47	Y a n t i S	III/b	Sarjana muda	Matematik
48	Rahmat Sunarno	III/b	Sarjana muda	Fizik
49	Cecep Sudrajat	III/b	Sarjana muda	Matematik
50	L i l i s	III/b	Sarjana muda	Bahasa Indonesia
51	Nanang Setiawan	III/a	Sarjana muda	Kimia
52	Acep Budi S	III/a	Sarjana muda	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
53	Agus Sofwan	III/a	Sarjana muda	-
54	E n t i t	III/a	Sarjana muda	Bahasa Indonesia

Negeri). Pada tahun 1978 berubah nama menjadi Madarasah Aliyah Negeri I Garut.¹⁹

Dalam perkembangannya, madrasah ini telah memainkan peranannya dalam menampung dan menyalurkan keperluan pendidikan yang cukup baik bagi masyarakat. Buktiya penerimaan pelajar baru semakin meningkat dan lulusan madrasah ini juga bertambah setiap tahun.

Pada sesi 2000/2001 Madrasah Aliyah Negeri ini memiliki pelajar seramai 953 orang lelaki dan perempuan. Untuk lebih jelasnya berikut ini merupakan jadual keadaan pelajar di Madrasah Aliyah Negeri Garut pada sesi 2000/2001, iaitu :²⁰

Tingkatan	Kelompok Belajar	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keterangan
IV	8	163	209	372	
V	7	165	186	351	
VI	5	90	140	230	
Jumlah	20	418	535	953	

2. Tujuan penubuhan

a. Tujuan Pendidikan Nasional

Berdasarkan Undang-undang nombor 2 tahun 1989, tujuan pendidikan nasional ialah untuk mencerdaskan kehidupan bangsa dan mengembangkan manusia Indonesia seutuhnya, iaitu manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan

¹⁹Hasil temu bual dengan Encik Holil pada 20 januari 2001. Beliau adalah guru besar MAN I Garut.

²⁰Madrasah Aliyah Negeri I Garut (2000), Program Kerja MAN Garut. Garut: MAN Garut, h. 16

ketrampilan, kesehatan jasmani dan rohani, berkeperibadian yang mantap dan berdikari serta bertanggung jawab terhadap masyarakat dan negara.²¹

b. Tujuan Institusi

- 1) Meningkatkan pengetahuan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi;
- 2) Meningkatkan pengetahuan pelajar agar mampu mengembangkan diri sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi serta kesenian yang dijiwai dengan ajaran Agama Islam;
- 3) Meningkatkan kemampuan pelajar sebagai anggota masyarakat dalam mengadakan hubungan timbal balik dengan lingkungan sosial, budaya dan alam sekitarnya yang dijiwai dengan ajaran Agama Islam.²²

3. Kelengkapan prasarana pendidikan

Kelengkapan prasarana pendidikan yang dimiliki oleh Madrasah Aliyah Negeri I Garut ialah sebagai berikut :

a. Tanah

Jenis Kegunaan	Luas... M ²	Status	Keadaan	Keterangan
1. Taman	3,785	APBN	Baik	
2. Padang	715	APBN	Baik	
3. Pusat sukan	230	APBN	Baik	
4. Bangunan	4,127	APBN	Baik	

²¹Ibid, h. 2

²²

Ibid.

b. Bangunan

Jenis Bangunan	Jumlah	Luas ... M ²	Tahun Pembuatan	Status	Keadaan
1. Bilik Belajar	17	1,360	1980	APBN	Baik
2. Pejabat tata usaha	1	75	1980	APBN	Baik
3. Perpustakaan	1	82	1980	APBN	Baik
4. Makmal sains	1	80	1980	APBN	Baik
5. Guru Besar	1	37	1997	APBN	Baik
6. Guru	1	75	1997	APBN	Baik
7. Pramuka/ OSIS	1	20	1980	APBN	Cukup
8. PMR/UKS/ PKS	1	10	1980	APBN	Cukup
9. BP-3	1	7,5	1980	APBN	Cukup
10.Keterampilan	3	240	1991	APBN	Baik
11.Tandas	4	20	1980	APBN	Cukup
12.Masjid	1	89	1987	APBN	Baik
13.Pusat Sukan	1	130	1993	APBN	Baik ²³

c. Perpustakaan

Madrasah Aliyah Negeri Garut sentiasa mengutamakan kualiti pelajarnya.

Ini terbukti dengan dibangunkan sebuah perpustakaan dengan pelbagai buku yang diperlukan oleh pelajar.

Jadual berikut ialah keadaan perpustakaan di Madrasah ini :²⁴

Jenis Ruangan	Luas... M ²	Keadaan	Keterangan
1. Bilik kaki tangan	10	Cukup	Jumlah buku sangat terhad.
2. Ruang pengolahan	35	Cukup	
3. Kaunter pelayanan	10	Cukup	
4. Ruang bacaan	27	Cukup	
5. Stor ²⁵	10	Cukup	

²³Ibid, h. 28

²⁴Ibid, h. 30

²⁵Ibid, h. 29

4. Keupayaan guru

Di Madrasah ini terdapat ramai guru yang telahpun memiliki kepaikan khusus dalam mata pelajaran yang dipegangnya sesuai dengan latar belakang pendidikannya.

Untuk mengetahui keadaan guru di Madrasah Aliyah ini, dapatlah kita lihat seperti dalam jadual berikut ⁸:

No	Nama Guru	Golongan	Pendidikan	Mata Pelajaran
1	H o l i l	IV/a	Sarjana Muda	Guru Besar dan BK
2	Syarif Hidayat	IV/a	Sarjana Muda	Ekonomi dan BK
3	Nani Kurniati	IV/a	Sarjana Muda	Bahasa Indonesia
4	Dudung Abdullah	IV/a	Sarjana Muda	Ekonomi
5	Ade Hasanudin	IV/a	Sarjana Muda	Geografi
6	Abdul Fatah	IV/a	Sarjana Muda	Aqidah Akhlak
7	Teni Partini	IV/a	Sekolah Menengah	Pendidikan Seni
8	Hilman Sabarudin	III/d	Sarjana Muda	Qur'ān Hadith
9	Tanto Jauhari	III/d	Sarjana Muda	Fizik
10	Kusnawan	III/d	Sarjana Muda	Matematik
11	Amir Syarifudin	III/d	Sarjana Muda	Fiqh
12	Suhada	III/d	Sarjana Muda	Bahasa Inggeris
13	Ai Supriati	III/d	Sarjana Muda	Sejarah
14	Abu Bakar Tasdiq	III/d	Sekolah Menengah	Qur'ān Hadith
15	E. Saepudin	III/d	Sarjana Muda	Bahasa Arab
16	Awit Suma Hadian	III/d	Sarjana Muda	Matematik
17	Uus Sudiono	III/d	Sarjana Muda	PPKn
18	Hera Sri M	III/d	Sarjana Muda	Biologi
19	Ani Rahmatiyah	III/d	Sarjana Muda	Tata Negara
20	Aa Suprihat	III/c	Sarjana Muda	Sejarah
21	A n a s	III/c	Sarjana Muda	Fiqh
22	Dedeh Widarsih	III/c	Sarjana Muda	Sosiologi
23	Eka Nurmaherwati	III/c	Sarjana Muda	Kimia
24	Dadang Hermawan	III/c	Sarjana Muda	Fizik
25	Ida Halimah	III/b	Sarjana Muda	Bahasa Inggeris
26	Djamilah Heryati	III/b	Sarjana Muda	Bahasa Indonesia
27	Siti Rohmah	III/b	Sarjana Muda	Bahasa Indonesia
28	Ari Winarti	III/b	Sarjana Muda	Aqidah Akhlak
29	Enok Sobihah	III/a	Sarjana Muda	Tata Negara

⁸Madrasah Aliyah Negeri I Garut (2000), *Program Kerja MAN I Garut*. Garut: MAN Garut, h. 41-42.

30	Abdul Hamid	III/b	Sarjana Muda	Pendidikan Seni
31	Ucu Titin Suhartini	III/b	Sarjana Muda	Matematik
32	Purwosusilo	III/b	Sarjana Muda	Sejarah
33	Niti Nirmala	III/b	Sarjana Muda	Geografi
34	Sarif Asbullah	III/b	Sarjana Muda	Pendidikan Jasmani dan kesihatan
35	Hendi Suhendi	III/c	Sarjana Muda	PPKn
36	Dede Susana	III/c	Sarjana Muda	Akaunting
37	Lilis Rahmalia	III/c	Sarjana Muda	Biologi
38	Gayadi Ariadi	III/b	Sarjana Muda	Kimia
39	Tata Sapta	III/b	Sarjana Muda	Bahasa Inggeris
40	Wahyudi	III/b	Sarjana Muda	Antropologi

Data di atas menunjukan bahawa jumlah guru di lima Madrasah Aliyah Negeri di atas sudah cukup ramai. Namun, kalau dibandingkan dengan jumlah pelajar yang ada tentu sahaja jumlah itu masih jauh daripada cukup. Penulis mengambil contoh di Madrasah Aliyah Negeri Cipasung jumlah pelajarnya mencapai 1,220 orang sementara gurunya hanya berjumlah 75 orang.⁹ Sehingga penulis tidak merasa hairan kalau dalam buku laporan tahunannya madrasah ini meminta penambahan guru sekurang-kurangnya 38 orang lagi untuk mengajar beberapa mata pelajaran yang selama ini banyak dipegang oleh beberapa guru yang ada. Manakala di Madrasah Aliyah Negeri Garut pula jumlah guru sangat terhad, padahal pelajar yang belajar di madarasah tersebut sekitar 953 orang.

Namun, jumlah guru yang kurang itu tidak sampai mengganggu proses pembelajaran secara keseluruhan. Hanya, tentu sahaja proses pembelajaran akan berjalan lebih lancar lagi kalau jumlah gurunya mencukupi.

⁹Madrasah Aliyah Negeri Cipasung (2000), *Program Kerja MAN Cipasung*, Tasik Malaya: MAN Cipasung, h. 9

Berdasarkan kajian dokumentasi terhadap data yang ada di sekolah, guru yang mengajar di Madrasah Aliyah Negeri seperti yang telah dikemukakan di atas, dapatlah dikatakan pada umumnya guru-guru mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, hanya beberapa orang sahaja di antara mereka lepasan sekolah menengah.

E. Kurikulum Beberapa Mata Pelajaran Agama Islam

1. Fiqh²⁶

Pada tingkatan IV mata pelajaran Fiqh di Madrasah Aliyah Negeri mengandungi beberapa sukanan pelajaran, iaitu : Bersuci (*taharah*), beberapa masalah tentang solat jumaat, hikmah solat pada umumnya, beberapa masalah dalam ibadah puasa, zakat, haji dan umrah, Qurban dan aqiqah, menguruskan jenazah, ta'ziah, ziarah kubur dan membela anak yatim. Di samping itu sukanan pelajaran tentang pernikahan juga diajarkan kepada pelajar tingkatan ini yang merangkumi pembahasan tentang pernikahan dalam Islam, peraturan perkahwinan di Indonesia, hikmah perkahwinan serta hukum perceraian, rujuk dan dengan segala perkara yang berhubungan dengannya.

Pada tingkatan V, pelajaran fiqh ini mengandungi beberapa inti bahasan, iaitu:

- a. Jual beli dan *khiar*
- b. *Salam* dan *suf'ah*
- c. Bentuk perekonomian dalam Islam seperti: *syirkah*, *qirad*, *musaqah*, *muzara'ah* & *mukhabarah* dan *izarah*
- d. Bentuk-bentuk pemindahan harta milik dalam Islam, seperti: hutang piutang, *hiwalah*, *rihanah*, *qariyah*, dan *wadi'ah*
- e. Riba, bank, insuran dan simpanan wang serta perubahan status milik.

²⁶Departemen Agama RI (1996), *Kurikulum Madrasah Aliyah Mata pelajaran Fiqh*. Jakarta: Binbaga.

- f. Jenayah, qisas, diyat, kifarat, hudud, seperti zina, *qadzaf*, minuman keras, mencuri, penyamun, dan *bughah*.

Pada tingkatan VI pelajaran fiqh ini mengandungi beberapa sukatan pelajaran, iaitu:

- a. Ilmu waris (harta pusaka) yang merangkumi pembahasan tentang sebab dan halangan waris mewarisi, ahli waris dan permasalahannya, pelaksanaan pembagian harta pusaka dan wasiat.
- b. Pengurusan Negara.
- c. Pergaulan muslim dengan golongan lain
- d. Mahkamah
- e. Mahkamah syari'ah di Indonesia
- f. Jihad dan kewiraan

Di samping itu pada tingkatan ini diajar pula tentang sumber hukum Islam, pembinaan dan pengembangan hukum Islam, dasar-dasar fiqh Islam dan kaedah-kaedahnya.

2. Aqidah Akhlak²⁷

Sukatan pelajaran dalam tingkatan IV mengandungi beberapa pokok pembahasan, iaitu :

- a. Aqidah Islam. Ianya merangkumi bahasan tentang aqidah Islam pengertian dan sumber ajarannya, aqidah Islam dan aqidah yang diajarkan oleh para Nabi

²⁷Departemen Agama RI (1996), *Kurikulum Madrasah Aliyah meta pelajaran Aqidah Akhlak*. Jakarta: Binbagia Islam

terdahulu, keistimewaan aqidah Islam, hubungan aqidah dengan akhlak, corak aqidah Islam pada masa nabi dan sahabat, dan lahirnya aliran-aliran kalam.

- b. Akhlak dalam Islam. Ianya merangkumi pembahasan tentang pengertian dan sumber akhlak, fungsi berakhlek dalam kehidupan, kewajipan manusia terhadap diri sendiri, kewajipan terhadap kedua-dua orang tua dan keluarga, kewajipan terhadap Allah, dan kewajipan terhadap sesama manusia serta sesama muslim.
- c. Cara bergaul dalam masyarakat.
- d. Kisah orang-orang yang disebutkan dalam al-Qur'an.
- e. Sifat-sifat terpuji. Ianya merangkumi pembahasan tentang menjaga diri, *istiqomah*, jujur dan lain-lain.
- f. Sifat-sifat tercela yang merangkumi pembahasan berupa memaki hamun dan mencela, perkataan kotor, munafik dan lain-lain.
- g. Beriman kepada Allah s.w.t. Ianya merangkumi pembahasan tentang pengertian beriman kepada Allah s.w.t, akibat bagi orang yang tidak beriman kepada Allah dan hikmah bagi yang mengimaniNya.
- h. Beriman kepada Malaikat Allah s.w.t, beriman kepada Kitab, Rasul, hari akhir, dan *qada qadar*Nya.

Dalam tingkatan V para pelajar diajar beberapa sukanan pelajaran seperti berikut ini :

- a. Sifat-sifat terpuji. Ianya merangkumi ciri-ciri akhlak terpuji, *qona'ah, zuhud*, taat pada peraturan, sabar, *istiqomah*, dan *tasamuh*.
- b. Sifat-sifat tercela. Ianya merangkumi pembahasan mengenai musyrik, rasa iri hati, sompong dan tamak.

- c. Masalah yang berhubungan dengan keimanan. Ianya merangkumi pembahasan ayat-ayat *mutasyābihāt* dan *munkamāt*, Isrā' mi'rāj, Ḥarasy, turunnya Nabi Isa di akhir zaman, Dajjal, Ya'jūj dan Ma'jūj, Zulkarnaīn dan Imam Mahdi.
- d. Akhlak terhadap *khaliq*. Ianya merangkumi pembahasan cinta kepada Allah, takut, berharap, syukur, taubat, *tawadu'*, tawakal, ikhlas dan reda terhadap ketetapan Allah s.w.t.
- e. Akhlak terhadap lingkungan, sama ada terhadap haiwan mahupun tumbuhan.
- f. Akhlak seorang wira. Ianya merangkumi pembahasan tentang pentingnya akhlak kewiraan bagi kehidupan manusia, bekerja keras dan berpegang teguh pada aqidah, berkata benar, amanah, dan mendahulukan kepentingan umum daripada kepentingan diri sendiri.
- g. Orang-orang yang sepatutnya dicontohi seperti Solahuddin al-Ayyubi dan Wali Songo.
- h. Kisah orang-orang yang tidak baik dan akibat buruk yang diterimanya seperti kisah Abū Lahab dan istri Nabi Lüt.

Mengikut kurikulum 1994 (yang terbaru) pelajaran aqidah akhlak ini tidak diajar kepada pelajar tingkatan VI!. Oleh itu, semua pembahasan tentang aqidah akhlak seperti yang telah dikemukakan oleh penulis sudah lengkap. Dalam kurikulum yang terbaru, isi pelajaran seperti di atas dianggap memadai untuk pelajaran aqidah akhlak di Madrasah Aliyah Negeri.

3. Al-Qur'ān dan al-Hadith²⁸

Pada tingkatan IV, mata pelajaran ini membahaskan ilmu al-Qur'ān dan tafsir ayat berdasarkan tema-tema tertentu serta hadith dan ilmu Hadith. Ianya merangkumi pembahasan seperti berikut :

- a. Al-Qur'ān sebagai wahyu Allah s.w.t dan pedoman hidup. Pada bahagian ini dibahas tentang pengertian al-Qur'ān, cara-cara diturunkan serta hikmahnya, ayat-ayat *Makiyyah* dan *Madaniyyah*, sejarah pengumpulan, kandungan asas dan fungsi serta tujuan al-Qur'ān diturunkan.
- b. Ilmu Hadith. Ianya merangkumi pembahasan pengertian dan fungsi hadith, istilah-istilah yang digunakan dalam hadith, tingkatan hadith, penulisan dan kitab-kitab hadith yang *mu'tabar*.
- c. Kemurnian dan kesempurnaan al-Qur'ān. Pada pembahasan ini membicarakan masalah jaminan kebesaran, keagungan, kehebatan serta bukti-bukti kebenaran dan jaminan kesempurnaan al-Qur'ān.
- d. Mengingat dan mensyukuri nikmat Allah.^{وَسْكٌ}
- e. Tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah, seperti alam semesta dan seluruh ciptaan Allah s.w.t. dan ditambah dengan pembahasan kewajipan hamba untuk menyembahNya.
- f. Memelihara dan memanfaatkan sumber daya alam dan lingkungan hidup. Pembahasan dimulai dengan tema alam semesta ciptaan Allah s.w.t, sumber daya alam sebagai kurnia Allah s.w.t. dan menggunakan sebagai usaha memakmurkan dan mensyukuri nikmat Allah s.w.t.

²⁸Departemen Agama RI (1996), *Kurikulum Madrasah Aliyah mata pelajaran al-Qur'an Hadits*. Jakarta Binbaga Islam.

g. Larangan membuat kerosakan, seperti pembahasan tentang kerosakan alam merupakan perbuatan munafik, Allah tidak menyukai perbuatan yang melampau dan kemusnahan alam sebagai akibat perbuatan manusia.

Pada tingkatan V, pelajaran al-Qur'an Hadith membahas tentang tema berikut :

- a. Hidup sederhana. Ianya mengandungi beberapa pembahasan mengenai sikap tidak berlebihan, pembaziran ialah sahabat syaitan, larangan dan akibat sifat kedekut.
- b. Asas-asas kewajipan, seperti takwa kepada Allah s.w.t serta iman dan amal soleh.
- c. Kewajipan melaksanakan amal *ma'ruf* dan *nahiyyi munkar* serta ancaman kepada orang yang meninggalkannya.
- d. Kewajipan berdakwah. Pada bahagian ini membahaskan hukum dan metode dakwah, awal perintah dakwah kepada Nabi, dakwah dengan lemah lembut, balasan bagi orang yang berdakwah dan seksaan kepada orang yang menolak seruan Allah s.w.t.
- e. Kewajipan berlaku adil dan jujur sama ada dalam perkataan maupun perbuatan.

Pada tingkatan VI, pelajaran ini mengandungi tema tentang hubungan sesama makhluk dan pentingnya ilmu pengetahuan. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada tema-tema seperti di bawah ini, iaitu:

- a. Etika pergaulan. Ianya merangkumi pembahasan tentang pergaulan sesama manusia, pergaulan dengan yang bukan Islam dan larangan menukar agama (*murtad*).
- b. Pembangunan peribadi dan masyarakat. Pada bahagian ini membahaskan kewajipan memberi *hafkah*, makanan yang baik dan halal, rajin bekerja, dan keseimbangan usaha untuk dunia dan akhirat.
- c. Ilmu pengetahuan. Ianya mengandungi pembahasan tentang kesempurnaan ilmu Allah s.w.t., kewajipan mencari ilmu, dan keutamaan orang yang berilmu.
- d. Pengembangan teknologi ruang angkasa, perindustrian, industri perkapalan dan alat transportasi darat.
- e. Biologi. Ianya membahaskan proses penciptaan manusia, pertanian dan penternakan.
- f. Ilmu Fizik. Bahagian ini membahaskan proses penciptaan alam, anjuran memperhatikan alam semesta dan manfaat yang boleh diambil daripada usaha mengenal dan mempelajari alam.

Dalam perbahasannya, tema-tema di atas sentiasa dikemukakan dengan dalil-dalil, sama ada yang diperolehi daripada al-Qur'an mahupun al-Hadith bahkan juga dalil-dalil akal yang rasional.

Berdasarkan kajian dokumentasi terhadap buku panduan kurikulum Madrasah Aliyah Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Agama¹¹ di atas

¹¹Lihat : Departemen Agama RI (1998), *Kurikulum Madrasah Aliyah*. Jakarta: Dirjen Binbaga Islam RI

jelas bahawa dalam pelajaran pendidikan agama Islam, tidak sahaja diajar sukanan pelajaran yang menyentuh aspek keakhiratan sahaja tetapi juga segala aspek yang berhubungkait dengan kehidupan manusia di dunia. Perkara ini sesuai dengan prinsip pendidikan Islam yang memandang penting seluruh aspek kehidupan manusia sama ada yang bersifat zahir mahupun batin.

Dalam sukanan pelajaran di atas, banyak menyentuh segala permasalahan manusia dengan mengkaji ayat-ayat al-Qur'ān mahupun al-Hadith yang berhubungkait dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, sosial, akhlak, akidah dan lain-lain. Pengungkapan ayat-ayat al-Qur'ān dan al-Hadith sebagai dalil yang digunakan dalam pelajaran fiqh, akidah akhlak dan al-Qur'ān & al-Hadith sangat penting dalam rangka meyakinkan dan menanamkan keimanan para pelajar, bahawa Islam mengandungi ajaran yang lengkap. Sehingga para pelajar seratus peratus yakin bahawa Islamlah sebagai satu-satunya agama yang mampu membawa kebahagian di dunia dan akhirat.